

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar
feroz@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

Dua pelajar ke Jerman

» Wan Hidayat membentangkan projek Green Soldier menjaga alam sekitar

Kempen dalam media sosial untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan menjaga alam sekitar membolehkan Wan Hidayat Wan Muhamad, 21, memenangi lawatan ke Jerman November ini.

Pelajar tahun ketiga Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) itu memenangi hadiah utama Duta Alam Sekitar Bayer (BYEE) dan akan membentangkan projeknya di depan pelajar dari negara lain dalam lawatan seminggu di negara berkenaan.

Wan Hidayat yang mengikut Sarjana Muda Sains Komputer (Sistem Keselamatan) di UPNM berkata, beliau menubuhkan Green Soldier, iaitu sekretariat yang mengendalikan semua kegiatan alam sekitar di universiti berkenaan.

Katanya, sekretariat itu ditubuhkan April lalu, iaitu ketika mula menyertai pertandingan BYEE dan kini mempunyai 20 ahli yang giat berkempen mengenai alam sekitar dalam Facebook, Twitter dan YouTube.

"Kami bertumpu kepada konsep asas 3R, iaitu kitar semula, guna semula dan kurangkan penggunaan bahan yang boleh mencemar alam sekitar.



Wan Hidayat dan Nur Hazirah memenangi **hadiah utama dan Duta Alam Sekitar Bayer.**

[GAMBAR OLEH MOKHSIN ABIDIN]

"Pada peringkat awal kempen ditujukan kepada pelajar UPNM kerana mereka bakal menjadi anggota keselamatan dan mempunyai pengaruh dalam kalangan masyarakat.

"Selain pelajar universiti, kempen Green Soldier kini menerima maklum balas yang sangat baik dalam kalangan pengguna media sosial yang bukan pelajar," katanya.

Wan Hidayat antara 12 pelajar universiti tempatan yang terpilih dalam program BYEE dan pernah menyertai Kem Ekologi di Kinabatangan, Sabah sebelum pemilihan peringkat akhir.

Seorang lagi pemenang lawatan ke Jerman ialah graduan Bachelor Pengurusan Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia, Nur Hazirah 'Aqilah Ramli, 23.

Beliau melaksanakan projek pengumpulan air hujan bagi menyiram pokok dan pembersihan laluan pejalan kaki serta tandas di Fakulti Pengajian Alam Sekitar UPM.

Projek yang dimulakan pada Jun lalu itu kini mendapat sambutan baik dan ada fakulti lain di universiti itu yang berminat dalam melaksanakan sistem pengumpul-

an air hujan itu.

"Sistem ini sangat mudah dan murah, iaitu hanya memerlukan sesalut untuk mendapatkan air hujan dan tangki untuk menyimpan serta mengagihkan semula air hujan tujuan menyiram pokok atau pembersihan.

"Kos projek di fakulti saya tidak melebihi RM400 dan sistem ini berjaya menjimatkan kos air terawat yang sebelum ini digunakan untuk menyiram pokok atau membersihkan tandas," katanya.

Nur Hazirah berkata, dia menyertai BYEE pada April lalu, iaitu ketika berada di semester akhir sebagai sumbangannya kepada UPM sebelum menamatkan pengajian.

Beliau kini bertugas sebagai eksekutif alam sekitar dengan syarikat swasta di Serdang, Selangor.

Hadiah lawatan ke Jerman disampaikan oleh isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor pada majlis makan malam di sebuah hotel di sini, baru-baru ini.

Hadir sama Duta Jerman ke Malaysia, Dr Gunter Gruber dan Pengarah Urusan, Bayer Co. Sdn Bhd, Herbert Dittmar.